

Duta2 negara Asean dicela — akhbar

CANBERRA (Australia), Rabu — Para duta kelima-lima negara anggota Asean diberitahu bahawa sikap kerajaan mereka terhadap kerajaan Australia tidak dapat diterima, menurut satu laporan.

Akhbar Sydney Morning Herald dalam keluarannya hari ini berkata, para duta Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina dan Malaysia, semalam dipanggil ke Kementerian Luar.

Peter Henderson, setiausaha Jabatan Hal-Ehwal Luar memberitahu kelima-lima duta itu "dalam bentuk paling keras bahawa sikap Asean terhadap Australia kini tidak dapat diterima, dan tidak sepatutnya wujud pada hubungan rapat yang telah terjalin sekian lama," kata akhbar itu.

Asean mengecam Australia kerana enggan menyokong usul tajaan-nya di Bangsa-Bangsa Bersatu yang menuntut askar Vietnam diundur-

kan dari Kampuchea.

Akhbar tersebut, yang menyebut sumber-sumber kementerian yang tidak dikenali sebagai punca laporannya, berkata kerajaan, Isnin lalu tersinggung dengan keputusan Asean untuk menanggukkan dialog dengan Australia sehingga Perdana Menteri Bob Hawke menjelaskan kedudukan Australia mengenai Kampuchea.

Para duta Asean itu diberitahu bahawa Australia tidak lagi akan menjelaskan kedudukannya, kata akhbar itu lagi.

Hawke memberitahu Parlimen semalam bahawa kerajaan ada masalah dengan Asean, tetapi menambah kata bahawa beliau "amat yakin" sebarang salah faham akan dapat diatasi bila beliau melawat Bangkok minggu depan. — AP.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia